

13 SEP 1998

KOMANWEL: DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH PADA SKUAD MENEMBAK

LANGKAWI, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan ucapan tahniah kepada skuad menembak Malaysia di atas kejayaannya menggondol dua pingat - satu perak dan satu gangsa - pada acara menembak Sukan Komanwel 1998 di sini setakat ini.

Pengurus Pasukan Malaysia Komander Musa Omar berkata ucapan itu disampaikan sebaik sahaja Malaysia memenangi pingat perak acara berpasangan air rifle menerusi Abdul Mutalib Abdul Razak dan Mohd Emran Zakaria yang mengumpul 1,167 mata.

Bibiana Ng dan Norsita Mahmud memenangi pingat gangsa acara berpasangan Sport Pistol dengan mengumpul 1,116 mata.

Musa berkata kata-kata semangat Dr Mahathir itu memberi rangsangan kepada penembak-penembak negara untuk terus mencapai kejayaan pada acara itu.

Kenyataan Dr Mahathir itu diterimanya daripada seorang pegawai kanan kerajaan secara lisan, kata Musa.

Malaysia menurunkan 12 penembak menyertai enam acara hari ini.

-- BERNAMA

ZI AKD